

10/07/2003

Menara buku 12 meter koleksi karangan PM

KUALA LUMPUR: Kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun menerajui negara akan diabadikan menerusi susunan menara buku setinggi 12 meter di East Wing Sunway Pyramid, di sini mulai 8 Ogos depan.

Susunan buku daripada koleksi karangan Perdana Menteri serta penulis tempatan itu akan dibentuk menyerupai Menara Berkembar Petronas dengan keluasan tapak lima meter di tingkat bawah kompleks itu.

Pengerusi Penganjur, Billi P S Lim, berkata susunan buku itu akan diiktiraf Malaysia Book Of Records sebagai menara buku tertinggi dihasilkan di negara ini dan berusaha mencatatkannya dalam Guinness Book Of Records.

Beliau berkata, ia akan dipamerkan kepada pengunjung Sunway Pyramid sehingga 1 September 2003 sebelum dipamerkan selama sebulan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Ia juga akan dibawa menjelajah ke seluruh negara bagi menunjukkan pencapaian serta keunggulan kepimpinan Perdana Menteri.

"Kita mengalu-alukan orang ramai yang berminat untuk menyertai projek ini sebelum pembinaan susunan menara buku ini kelak," katanya pada sidang media, semalam.

Projek susunan menara buku itu dianjurkan Hardknocks Factory Sdn Bhd dan Sunway Pyramid Sdn Bhd. Penaja bersama ialah Club2020.com Sdn Bhd, SkyVenture Production Sdn Bhd dan Pelanduk Publications.

Lim berkata, penganjur sudah menjemput Perdana Menteri untuk menghadiri serta menyaksikan menara buku itu.